HARIAN METRO MS 15/06/2014

Hospital UniSZA bakal siap menjelang 2017

Kuala Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yakin pembinaan hospital pembelajarannya berharga RM600 juta akan siap mengikut jadual menjelang akhir 2017 apabila kerja pembinaannya dijangka bermula pada suku ketiga tahun ini.

Naib Canselornya Prof Dr Yahaya Ibrahim berkata, Hospital Pembelajaran UniSZA yang akan dibina di kawasan seluas 20.2 hektar di kampus Gong Badak, di sini, akan dilengkapi 400 katil bagi menampung keperluan pesakit dari bandar raya ini.

"Projek ini hasil inisiatif Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai suatu tanggungjawab sosial universiti kepada pemegang kepentingan kami.

"Hospital ini akan memiliki kemudahan dan teknologi setanding dengan hospital pakar lain di Malaysia.

"Di samping itu, ia akan menyediakan kepada pelajar perubatan kami tempat lebih baik untuk mengamalkan pengetahuan dan meningkatkan kemahiran," katanya.

YAHAYA Ibrahim

Menurutnya, hospital itu akan mula beroperasi sebaik fasa pertama pembinaannya siap pada suku kedua 2016.

"Projek ini akan mempunyai dua fasa dan sebaik fasa pertama siap, ia dijangka mula beroperasi sebagai pusat pembelajaran perubatan untuk pelajar dan sebagai hospital untuk orang ramai yang menyediakan 200 katil," katanya sambil menjelaskan, hospital itu juga akan menyediakan lebih 1,000 peluang pekerjaan kepada pelajar perubatannya.

Yahaya berkata, hospital itu adalah hospital universiti Islam ketiga di Malaysia selepas Hospital Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.